PIAGAM PELANGGAN PEJABAT DAERAH

**Bahagian Pentadbiran dan Kewangan**

1. Menyelesaikan laporan siasatan bagi permohonan Lesen Kenderaan Perdagangan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja.

2. Menyelesaikan laporan siasatan untuk permohonan Lesen Penulis, Tukang Emas dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

3. Memberi maklumbalas dalam menyelesaikan Aduan Awam dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja.

4. Menyiapkan proses pembayaran untuk pelbagai pembelian dan perkhidmatan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh tuntutan diterima.

5. Menyelesaikan proses permohonan kerakyatan negeri Terengganu untuk dikemukakan kepada pejabat Setiausaha Kerajaan dalam tempoh Sembilan puluh (90) hari bekerja setelah menerima laporan daripada jabatan lain.

6. Menyelesaiakan urusan pembatalan setem - setem pelekat (Pungutan Duti Stem) dan urusan Surat Akuan (Surat Sumpah) dalam tempoh sepuluh (10) minit.

7. Mengeluarkan Taksir Duti Setem bagi Pindah Milik tanah dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja daripada tarikh permohonan taksiran.

8. Menyelesaikan permohonan Lesen Motobot di Tasik Kenyir dalam masa dua puluh (20) hari bekerja.

**Bahagian Perancangan dan Pembangunan**

1. Pelaksanaan projek - projek pembangunan akan dimulakan setelah menerima peruntukan daripada kerajaan Negeri atau Keraan Persekutuan seperti berikut:

i) Projek Indent - Dalam tempoh 20 hari bekerja

ii) Projek sebut harga - Dalam tempoh 60 hari bekerja

iii) Projek Tender - Dalam tempoh 90 hari bekerja

2. Menyelesaikan penyiasatan ke atas permohonan projek kecil dalam empat belas (14) hari bekerja.

3. Mengeluarkan keputusan tawaran bagi projek - projek kecil dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas daripada tarikh tawaran ditutup.

**Bahagian Pembangunan Masyarakat**

**A) Program Pembasmian Kemiskinan**

1. Mengemukakan senarai cadangan penerima program bantuan rumah dalam masa satu (1) bulan selepas kepurusan Jawatankuasa 'Focus Group' dibuat kepada pihak yang berkenaan.

2. Mengemukakan senarai cadangan nama penerima program pembasmian kemiskinan kepada Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu dalam masa empat belas (14) hari bekerja selepas menerima surat.

3. Menjalankan siasatan ke atas permohonan peserta PPRT dalam masa sati 91) bulan selepas menerima permohonan yang lengkap.

4. Menyediakan senarai pemohon PPRT yang telah disiasat kepada Jawatankuasa Focus Group dalam masa empat belas (14) hari bekerja sebelum mesyuarat diadakan.

**B)Bahagian Pentadbiran Mukim dan Kampung**

1. Mengemukakan senarai lengkap senarai cadangan Pengerusi JKKK yang baru kepada Jawatankuasa Pemilihan Pengerusi - Pengerusi JKKK Daerah empat belas (14) hari bekerja sebelum mesyuarat diadakan.

2. Mengemukakan kertas cadangan penubuhan JKKK baru dalam masa empat belas (14) hari selepas menerima kertas cadangan yang lengkap.

3. Menguruskan bayaran tuntutan elaun mesyuarat JKKK dalam tempoh empat belas (14) hari

bekerja dari tarikh tuntutan lengkap diterima.

4. Menyediakan laporan kekerapan mesyuarat - mesyuarat JKKK setiap bulan dan keberkesanan kepimpinan di peringkat mukim dan JKKK.